

# MEMAHAMI KEPUTUSAN PILIHAN RAYA NEGERI SARAWAK 2011 DARI PERSPEKTIF RUANGAN

**Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Suffian Mansur,  
Zulkanain Abdul Rahman & Mohammad Redzuan Othman<sup>1</sup>**

## **Abstract**

There are varieties of studies and reviews regarding political landscape of Sarawak as was shown in the results of Sarawak State Election 2011. Most studies and reviews however, do not emphasize on the element of space in observing voting behavior. Therefore, the role of space elements such as location, core area of politics, and size need to be examined in order to understand the results of Sarawak Election 2011 from spatial perspectives. Geographic Information System - GIS is used to analyse spatial aspects easily. Based on the results of earlier studies, it is found that the spatial element indicates significance with voting behavior in Sarawak. The discussion on the extent of the role spatial element plays is examined to obtain comprehensive views in studying the voting behaviour in Malaysia, especially in the 13th General Elections.

**Keywords:** Spatial, Politics, Geographic Information Systems, Electoral Geography & Sarawak State Elections 2011

## **Pengenalan**

Pilihan Raya Negeri Sarawak telah diadakan pada 16 April 2011 dan pembubaran DUN Sarawak telah dilakukan pada 21 Mac 2011 bagi membolehkan pilihan raya negeri diadakan dan tarikh penamaan calon adalah pada 6 April 2011. Keputusan keseluruhannya, Barisan Nasional (BN) memenangi 55 kerusi, DAP (12), PKR (3) dan Bebas (1). Keputusan itu menunjukkan BN telah kehilangan 8 kerusi, berbanding 63 kerusi yang dimenangnya pada tahun 2006 manakala Pakatan Rakyat (PR) yang diwakili oleh Parti DAP dan PKR telah menyapu bersih kesemua lima kerusi di Kuching. Berdasarkan daripada keputusan ini juga, pelbagai kajian ulasan dan pemerhatian telah dilakukan khususnya oleh para pengkaji politik mengenai lanskap politik Sarawak. Malah ada di antara pengkaji politik mengatakan Pilihan Raya Sarawak dianggap sebagai kayu pengukur bagi pilihan raya umum yang akan diadakan pada masa akan datang. Pelbagai ulasan telah diberikan tetapi dari pemerhatian penulis, kajian tentang ruang dan politik adalah sangat sedikit disentuh dalam membicarakan dan membuat kesimpulan tentang corak dan tingkah laku pengundian. Jika kita melihat dalam konteks negeri Sarawak, elemen ruangan ini sangat relevan memandangkan terdapat variasi kawasan yang berbeza di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain.

## Apa itu Ruang?

Pengertian ruang atau *space* berasal dari bahasa Latin iaitu *spatium* yang bererti ruangan atau luas (*extent*), manakala dalam bahasa Yunani pula, ruang membawa maksud tempat (*topos*) atau lokasi (*choros*) yang memiliki ekspresi kualiti tiga dimensi. Kajian pembahasan 'ruang' seperti yang dinyatakan ini ditinjau dari sudut ilmu falsafah. Walau bagaimanapun, ruang dalam pemahaman kajian ini, melihat kepada perspektif fenomenologi iaitu ruang dalam menekankan kepada fenomena yang terjadi kepada manusia. Di sini dikembangkan idea bahawa ruang dapat diertikan sebagai perwujudan manusia tentang 'keberadaannya' di dunia (Norberg-Schulz 1971).

Ruang mempunyai makna yang berbeza dari latar belakang kajian yang berbeza. Jika dilihat, pengertian ruang menurut bidang arkitek sebagai contoh, merupakan suatu tempat dengan fungsi tertentu dengan bentuk tiga dimensi. Misalnya ruang tamu memiliki fungsi untuk tempat menjamu tamu manakala ruang makan memiliki fungsi untuk tempat kita makan. Walau bagaimanapun, secara asasnya ruang adalah daerah tiga dimensi iaitu suatu objek dan peristiwa itu berada atau berlaku. Ruang memiliki posisi serta arah yang relatif, terutama bila suatu bahagian dari daerah tersebut dirancang sedemikian rupa untuk tujuan tertentu.

Konteks ruang ini dilihat sebagai suatu fenomena keseluruhan dalam bidang ilmu geografi. Jika kita lihat sebenarnya rangkaian sosial adalah tersusun strukturnya secara ruangan dan masa. Mereka yang mempunyai latar belakang sosial yang sama akan bergaul dan menetap dalam satu kawasan yang sama dan berhampiran. Dalam kajian sains sosial telah menunjukkan sama ada di kawasan bandar, pekan atau kampung, masyarakat akan hidup berkelompok dan memilih lokasi tempat tinggal berdasarkan kepada struktur sosial dalam kumpulan sosial yang sama dan ini juga boleh berubah berdasarkan masa yang berbeza (Rosmadi Fauzi 2013).


## Ruang dalam Geografi dan Pilihan raya

Makna ruangan dalam Geografi adalah berlandaskan daripada satu teori yang sangat terkenal iaitu Hukum Pertama Geografi yang telah diperkenalkan oleh Tobler dengan andaian popular beliau iaitu "semuanya berkait dengan semua yang lain, tetapi sesuatu yang berhampiran lebih berkait" (Tobler 1970). Beliau mengandaikan bahawa pencerapan yang dekat antara satu sama lain di atas ruang lebih berkemungkinan mempunyai nilai yang sama bagi sesuatu sifat tertentu berbanding pencerapan yang berjauhan. Ia merupakan satu konsep yang amat berguna sebagai asas kepada analisis dan pemodelan ruangan. Ia merupakan satu konsep yang utama dalam statistik autokorelasi ruangan yang merupakan satu teknik kuantitatif untuk menganalisis hubungan korelatif dengan jarak atau hubungan perkaitan. Analisis ini menghasilkan banyak maklumat yang boleh digunakan dalam meneroka dan pengesahan untuk menghasilkan ujian hipotesis tentang hubungan ruangan yang wujud dalam sesuatu fenomena dan ia masih lagi signifikan dalam kajian-kajian geografi pada masa ini (Miller 2004).

Ruang juga merujuk kepada sifat atau fenomena yang dibahagikan dalam sesuatu lingkungan, kawasan atau sempadan. Elemen ruangan seperti perletakan, lokasi, kejiranan dan jarak dilihat mempengaruhi kepada tingkah laku dan pembuatan keputusan. Manusia akan berinteraksi dengan siapa atau di mana berasaskan kepada

lokasi dan kejiranan di mana mereka berada. Elemen ruangan adalah sebahagian yang terkandung dalam pengajian geografi dan geografi politik secara khususnya dalam mengkaji pilihan raya (Rosmadi Fauzi et. al 2011). Berdasarkan kajian bidang geografi pilihan raya yang terdahulu, telah dibuktikan bahawa elemen ruangan yang berasaskan kepada jarak mempunyai pertalian yang kuat dengan interaksi sosial para pengundi dan seterusnya memberi kesan kepada tingkah laku mengundi (Johnston 1972). Selain itu, rangkaian sosial adalah tersusun strukturnya secara ruangan. Mereka yang mempunyai latar belakang sosial yang sama akan bergaul dan menetap dalam satu kawasan yang sama dan berhampiran. Kajian telah menunjukkan kumpulan masyarakat majoriti biasanya akan menukar atau mempengaruhi pandangan minoriti terutamanya apabila individu itu mempunyai kawan di dalam kejiranan yang sama dan turut serta dalam organisasi atau persatuan yang wujud di kawasan mereka menetap (Cox 1971). Oleh itu persamaan itu akan mewujudkan 'kemesraan' dan persetujuan dalam menerima sesuatu keadaan.

Dalam beberapa dekad, kajian telah menunjukkan pengaruh ruangan secara langsung mempengaruhi corak pengundian (Enelow, J. & Hinich, M. 1984; Baybeck, B. & Huckfeldt, R. 2002; Rosmadi Fauzi 2006). Konteks ruang dilihat sebagai suatu fenomena keseluruhan dalam bidang ilmu geografi manakala perbezaan fenomena politik antara kawasan di muka bumi adalah perkara asas dalam kajian geografi politik. Perhatian ini dilakukan dengan sering mengkaji faktor alam dan faktor manusia dan pertalian keduanya yang membentuk integrasi keruangan di wilayah politik yang berkaitan antara satu sama lain. Berdasarkan Rajah 1, keputusan Pilihan Raya Umum 2008 telah dipetakan dan hasilnya kita dapat lihat terdapat pertalian ruangan dari segi keputusan, iaitu setiap negeri yang dimenangi parti adalah berkelompok, berdekatan dan berkongsi sempadan di antara satu sama lain.



**Rajah 1** Keputusan PRU 2008 Semenanjung Malaysia berdasarkan Ruang

## Isu Pilihan Raya, Ruangan dan Sistem Maklumat Geografi

Tidak semua orang membuat keputusan mengundi dan kemudian mengundi dengan cara yang sama. Terdapat variasi ruangan dalam corak pengundian. Konteks ruang dilihat sebagai suatu fenomena keseluruhan dalam bidang ilmu geografi manakala perbezaan fenomena politik antara kawasan di muka bumi adalah perkara asas dalam kajian geografi politik. Jurang atau ketidakseimbangan dari sudut lokasi membawa kepada perbezaan yang besar dalam ekspresi politik dan juga pengundian. Sebagai contoh jurang di antara bandar dan luar bandar, budaya yang mendominasi dan didominasi serta kawasan atau lingkaran yang terkandung dalam teras ekonomi mempunyai perbezaan di antara kawasan telah mewujudkan masyarakat yang mempunyai pelbagai tingkah laku yang berbeza kerana terdapat perbezaan kawasan dalam sudut lokasi. Pergerakan politik bergantung kepada kekurangan dan kelebihan yang wujud oleh perbezaan antara kawasan. Variasi pengundi dalam sesuatu sempadan pilihan raya seperti latar belakang pengundi, maklumat topologi berkaitan sempadan, pergerakan dan komunikasi adalah berbeza mengikut ruang dan lokasi. Kepentingan proses ruangan perlu dikaji untuk melihat peranan faktor ruangan ke atas tingkah laku politik individu atau kumpulan masyarakat yang berlaku dalam sesuatu wilayah atau sempadan politik (Rosmadi Fauzi 2010). Maka di sini elemen ruangan dan faktor geografi adalah relevan kerana apabila tempat berlainan kita akan lihat demografi yang berlainan seterusnya sosio-politik dan budaya yang berbeza yang memberi kesan kepada tingkah laku mengundi.

Jika kita amati kerusi yang ditandingi dalam pilihan raya di Malaysia adalah berasaskan geografi. Kita dapat lihat lazimnya, pilihan raya dan perwakilan nasional, DUN dan Parlimen adalah berdasarkan unit geografi iaitu perwakilan yang berdasarkan kependudukan dan taburan kependudukan mengikut sempadan. Kemenangan atau keputusan undi juga adalah berasaskan kepada jumlah kerusi diwakili sempadan dan ruang. Sempadan pentadbiran politik dan sempadan pilihan raya biasanya menggunakan gabungan mukim dan daerah tempatan sebagai asas kepada representatif yang terpilih mewakili parti politik pada peringkat DUN dan peringkat Parlimen. Sempadan kampung, mukim dan daerah memberi kesan yang mutlak ke atas penyusunan dan tingkah laku institusi politik dan ini merupakan tugas yang menggambarkan tentang teoritik yang signifikan dan cabaran teknikal bagi ahli geografi dalam mengkaji pilihan raya.

Geografi memberi pandangan asas tentang dunia tempat tinggal kita dan cara manusia mengorganisasikan ruang. Dalam ruang terkandung kepelbagaian. Sebagai contoh, dalam suatu kawasan DUN dan Parlimen mempunyai kepelbagaian dalam pemikiran dan membuat keputusan politik. Perspektif ruang merupakan elemen dalam geografi. Apa peri pentingnya Geografi ini? Jika kita tanyakan kepada orang biasa, mereka akan mengatakan bahawa geografi adalah kajian berkenaan cuaca atau pokok yang lebih menekankan kepada elemen fizikal dan alam sekitar. Jika kita lihat, negara kita Malaysia mempunyai diversiti dari segi lanskap geografi yang membawa kepada perbezaan budaya berpolitik. Dalam konteks politik dan pilihan raya misalnya, dari segi fizikal terdapat kepelbagaian DUN dan parlimen. Sebagai contoh kita ada parlimen yang berbeza dari segi saiz dan ada pula parlimen yang lebih kecil dari DUN. Terdapat saiz parlimen yang sama dengan negeri dan ada pula parlimen yang mempunyai pengundi yang teramai dan padat. Ada juga parlimen yang terdiri dari kawasan kepulauan.

Ilmu geografi yang berperanan di sini adalah konsep ruang atau kawasan. Setiap kawasan DUN dan parlimen, di dalamnya mempunyai kepelbagaian dari aspek pemikiran rakyat dan membuat keputusan politik. Walaupun soalan yang ditanya adalah sama, tetapi di lokasi yang berbeza, kita dapati terdapat kepelbagaian berpendapat dalam memberikan jawapan. Selain itu, kerusi yang ditandingi dalam PRU 13 adalah berasaskan geografi. Apa maknanya? Kita dapat lihat lazimnya, pilihan raya dan perwakilan nasional, DUN dan Parlimen adalah berdasarkan unit geografi iaitu perwakilan yang berdasarkan kependudukan dan taburan kependudukan mengikut sempadan. Kemenangan atau keputusan undi juga adalah berasaskan kepada jumlah kerusi diwakili sempadan dan ruang. Sempadan pentadbiran politik dan sempadan pilihan raya biasanya menggunakan gabungan mukim dan daerah tempatan sebagai asas kepada representatif yang terpilih mewakili parti politik pada peringkat DUN dan peringkat parlimen. Inilah kajian geografi, yakni konsep ruang dan sempadan.

Mungkin sebelum ini rata-rata penganalisis politik apabila mengkaji politik lebih melihat tentang jumlah calon yang bertanding dan tidak mengambil kira elemen geografi tetapi kepada sesuatu perspektif yang berbeza. Perspektif ruang merupakan elemen dalam geografi. Misalnya terdapat parlimen yang lebih kecil dari DUN. Malah, terdapat saiz parlimen yang lebih besar dari negeri Melaka atau Perlis. Sudah pasti faktor ini mempunyai kepelbagaian budaya politik yang menarik. Selain itu terdapat parlimen dan DUN yang terdiri dari kawasan kepulauan seperti Pulau Labuan berstatus parlimen tetapi Pulau Pangkor adalah sebahagian DUN Pangkor manakala negeri Pulau Pinang pula di kawasan pulaunya sahaja terdiri dari 6 parlimen dan 18 DUN di dalamnya. Perkara ini harus diambilkira oleh parti dan calon dalam strategi berkempen.

Kepelbagaian masalah ruang ini pada hari ini telah menggunakan Sistem Maklumat Geografi (Geographical Information Systems-GIS) dalam menyelesaikannya bersama dengan aplikasi pilihan raya. Dengan dilengkapi perisian dan teknologi terkini, GIS dapat membantu dalam kajian pilihan raya kepada satu perspektif yang baru. Perkembangan terkini dalam teknologi maklumat khususnya GIS, telah menawarkan beberapa keupayaan untuk menjalankan analisis ruangan dengan lebih mudah (Chakraborty & Sahoo 2007). Selain itu, GIS merupakan satu sistem yang dapat menganalisis dan mengendalikan data ruangan dengan lebih efisien dan berkesan (Schuurman 2004). Perisian GIS, tidak hanya menyediakan keupayaan untuk menginput, menyimpan, mengurus, mengolah data pilihan raya khususnya tetapi mempunyai kelebihan untuk membuat analisis ruangan secara terperinci dan memaparkan data yang merujuk kepada elemen ruangan. Kini, GIS merupakan satu teknologi dan pendekatan baru digunakan bagi memperlihatkan corak ruangan dalam analisis pengundian di Malaysia. Sebelum ini, analisis keputusan pilihan raya banyak dilakukan secara deskriptif dengan menggunakan kaedah paparan dan jadual atribut. Walaupun kaedah ini mudah, tetapi ia adalah lebih subjektif dan sukar untuk memberikan gambaran pertalian ruangan secara lebih mendalam. GIS digunakan dalam menganalisis maklumat tersebut serta hasilnya akan dipaparkan dalam bentuk peta. Paparan ini akan digunakan untuk melihat arah dan corak pengundian.


Dalam GIS, analisis ruangan digunakan untuk menghasilkan maklumat tambahan bagi meningkatkan struktur ruang atau hubungan di antara maklumat geografi yang berkaitan. Antara analisis yang digunakan dalam kajian pilihan raya adalah analisis rangkaian yang digunakan untuk menghasilkan peta seperti jarak ke kawasan teras politik. Selain itu, sebagai contoh, analisis jarak terdekat turut digunakan bagi mendapatkan jarak terdekat iaitu jarak terdekat pusat bandar-DUN, jarak terdekat ibu

negeri-DUN dan jarak terdekat universiti-DUN. Analisis jarak terdekat dibangunkan dengan menggunakan peta asas kawasan kajian poligon, peta titik bagi mewakili lokasi pusat bandar, universiti dan ibu negeri, peta jalan raya bagi menghubungkan DUN dengan lokasi yang dinyatakan di atas serta titik tengah DUN. Oleh itu kepelbagaian ruang dalam konteks politik dan pilihan raya boleh diselesaikan dengan menggunakan Sistem Maklumat Geografi dalam mengkaji isu ruangan dalam kajian pilihan raya (Rosmadi Fauzi et.al 2012)

### **Keputusan Pilihan Raya Sarawak 2011 dari perspektif Ruang**

Bagi kajian pilihan raya, elemen ruangan mempunyai kerelevanannya kerana dari sudut lanskap politik di Malaysia, Sarawak mempunyai pelbagai ciri lokasi yang berbeza dan unik seperti kawasan bandar, separa bandar, luar bandar dan kawasan pedalaman yang tidak mempunyai perhubungan jalan raya. Sarawak yang mempunyai 71 kerusi DUN dan 31 kawasan Parlimen dengan 2,606 saluran mengundi sudah pasti memperlihatkan kepelbagaian dari segi faktor geografinya. Ciri yang berbeza dalam setiap lokasi ini mempunyai pelbagai variasi tingkah laku pengundian. Peranan elemen ruangan yang penting adalah mewujudkan interaksi sosial seterusnya dapat menyebarkan sesuatu maklumat atau inovasi. Jika kita lihat dalam konteks pilihan raya, jarak, lokasi dan kejiranan memainkan peranan dalam komunikasi politik dan penyebaran maklumat pilihan raya. Jika jarak pengundi dengan kawasan teras politik dekat, mereka dengan mudah terdedah kepada maklumat pilihan raya seperti isu, calon, kempen dan manifesto. Begitu juga sebaliknya jika mereka jauh dari kawasan teras politik maka semakin sukar maklumat parti atau calon hendak disampaikan.

Satu perbincangan penting di antara pilihan raya dan geografi seharusnya dimulakan dengan lokasi. Kebanyakan kajian tentang lokasi dalam konteks geografi dimulakan dengan lokasi sesuatu kawasan. Lokasi terdiri daripada relatif dan mutlak. Lokasi mutlak membekalkan rujukan mutlak untuk merujuk sesuatu kawasan. Rujukan boleh terdiri daripada koordinat lokasi, alamat dan perbandaran dan pelbagai sistem. Lokasi relatif pula adalah digambarkan sesuatu kawasan dengan persekitaran dan hubungannya dengan sesuatu tempat. Ahli geografi mengkaji dan memetakan fenomena ruangan dengan menambah sistem kepada struktur yang manusia berikan kepada ruang. Ruang merupakan tempat manusia menjalankan kegiatannya. Salah satu konsep yang berterusan dalam geografi politik adalah penekanan terhadap lokasi sesuatu kawasan dalam perhubungan yang rapat dengan kawasan laut atau sebaliknya. Ini merupakan salah satu konsep asas dalam ilmu geografi politik iaitu Teori Kawasan Tengah yang melihat kepada negara yang tidak berpantai ataupun negara tanpa laut atau kawasan yang berada di pedalaman yang jauh dari garisan pantai (Hans W. Weigert et. al 1957). Pada dasarnya secara teori kawasan yang berada jauh di pedalaman merupakan satu kekurangan dalam mendapat perhatian dan peluang untuk mendapat perhubungan terus dengan kawasan lain daripada pihak pemerintah atau berkuasa. Selain itu salah satu kekurangan dalam konteks kawasan pedalaman yang jauh dari pantai adalah masalah komunikasi dan penyebaran maklumat. Lokasi kawasan yang jauh dari garisan pantai biasanya mempunyai interaksi yang rendah berbanding kawasan yang dekat dengan pantai ataupun di kuala sungai kerana kawasan ini merupakan pintu masuk ke kawasan daratan dan ke kawasan darat yang lebih pedalaman lagi.




**Rajah 2** Keputusan Pilihan Raya Sarawak 2011

Faktor lokasi ini mempertimbangkan pengaruh kejuranan dan interaksi dalam penyebaran maklumat antara DUN dengan pusat-pusat yang dilihat sebagai penyebaran maklumat pilihan raya. Faktor lokasi mengkaji pengaruh ruangan terhadap organisasi yang terdapat dalam ruang informasi, penyebaran sesuatu idea baru atau penyebaran maklumat tentang pilihan raya seperti calon, parti, isu dan ideologi. Proses penerimaan sesuatu maklumat itu dipengaruhi oleh jauhnya jarak dari bandar raya. Maklumat dan idea diterima lebih cepat di pusat bandar dan kemudian tersebar dengan amat mudah dalam kalangan penduduk yang tinggal di pusat-pusat penerimaan tersebut (kesan perijanan). Sebagai contoh, berdasarkan kepada kajian PRN Sarawak 2011 yang lalu, dengan menggunakan kaedah GIS, keputusan pilihan raya dapat dipetakan mengikut lokasi. Berdasarkan kepada Rajah 2, secara ruangan kita dapat lihat pertambahan DUN yang dimenangi oleh PR dan terdapat kawasan yang lama dikekalkan dan terdapat juga penambahan kawasan baru terutamanya di kawasan yang berjiran dan berdekatan. Berdasarkan andaian Tobler (1970) di awal penulisan ini, apa yang menarik minat ahli geografi adalah perkara atau atribut yang dikongsi oleh DUN yang dimenangi oleh kedua-dua parti iaitu BN dan PR. Keadaan ini disebabkan oleh kegiatan manusia yang berlaku dalam ruang melibatkan tempat atau kawasan.

Di samping itu teori ruangan juga mementingkan ciri fizikal atau sosial yang wujud atau terkandung di sesuatu kawasan kerana ciri ini akan menentukan kewujudan interaksi antara dua atau lebih kawasan. Sesuatu kawasan digambarkan berdasarkan ciri manusia dan fizikal. Keadaan ini membentuk dan menggambarkan cara tingkah laku yang diamalkan di sesuatu kawasan yang boleh memberi kesan kepada aktiviti berpolitik dan berdasarkan Rajah 2 terdapat perkelompokan dari segi tingkah laku berpolitik di kawasan yang dimenangi oleh kedua-dua parti BN dan PR. Sesuatu kawasan yang terpencil dan terasing dan jauh dari garisan pantai iaitu di kawasan bukit

bukau dan di kawasan tanah tinggi mempengaruhi pergerakan hubungan interaksi yang dapat mempengaruhi cara maklumat pilihan raya seperti, ideologi, isu, kempen itu tersebar di sesuatu kawasan dan kawasan seperti ini lebih di dominasi oleh parti BN berbanding PR yang lebih tertumpu di kawasan padat.




Rajah 3 Status Kawasan Bandar mengikut DUN Sarawak 2011

Seterusnya berdasarkan PRN Sarawak 2011 yang lalu, kawasan teras politik merupakan salah satu elemen ruangan yang memainkan peranan penting dalam mencorak pengundian di Sarawak. Berdasarkan kepada Rajah 3 dan Rajah 4, kita dapati bahawa salah satu ciri kawasan yang dimenangi oleh PR adalah kawasan yang berstatus bandar yang merupakan kawasan teras politik DUN tersebut. Kawasan yang dimenangi oleh BN kebanyakannya adalah kawasan luar bandar dan separa bandar. Kawasan teras politik adalah kawasan dominan unit politik seperti ibu negeri, bandar raya, pusat bandar ataupun pekan dalam konteks yang lebih mikroskopik. Dalam PRN Sarawak 2011, kerusi-kerusi DUN di bawah parlimen Kuching seperti Pending dan Padungan dimenangi oleh DAP dan sebagai ramalan awal adalah tidak mustahil kerusi parlimen Kuching akan dimiliki atau dikekalkan oleh DAP dalam pilihan raya nanti. Manakala di bawah parlimen Sibul, dari 3 kerusi DUNnya, DAP menang besar di Pelawan iaitu DUN yang mempunyai pengundi teramai dan merupakan kawasan teras politik iaitu kawasan bandar meskipun dua DUN lagi iaitu Bawang Assan dan Nangka dimenangi masing-masing oleh SUPP dan BN. Ibu negara, ibu negeri dan pusat bandar mengandungi organisasi pusat eksekutif kerajaan yang mengawal aktiviti sosial, ekonomi dan politik kawasan.

Di Sarawak, kawasan teras politik seperti Kuching, Sibul, Sarikei, Bintulu dan Miri merupakan pusat aktiviti ekonomi seperti perniagaan dan perkhidmatan. Oleh sebab itu kita dapat lihat semua ibu pejabat ditempatkan di bandar menurut hirarki. Dalam pusat bandar, unit politik yang terdapat ialah pusat institusi, pendidikan,



perundangan dan kebudayaan. Ia berbeza di antara unit institusi tertutup dengan fungsi pusat. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Morrill (1965), salah satu faktor yang menyebabkan satu idea atau maklumat merebak adalah berdasarkan kepada perkembangan daerah perniagaan pusat yang berjiran dan kemajuan pengangkutan dalam pusat bandar raya yang merupakan satu kawasan teras politik. Proses resapan maklumat bermula di bandar-bandar besar dalam sesuatu daerah dan kemudian penerimaan tersebut tersebar ke tempat-tempat lain yang lebih kecil. Pada hari ini cara hidup masyarakat di pusat bandar besar seperti Kuching, Sibu, Miri dan Bintulu telah memperlihatkan kemunculan pengaruh gaya hidup dengan gayanya tersendiri. Berdasarkan daripada hasil kajian ini, pihak PR mempunyai potensi untuk menawan kawasan-kawasan yang terdiri daripada kawasan bandar yang merupakan teras politik kepada pengundi. Maklumat lebih mudah diterima dengan kehadiran *wi-fi* di kawasan bandar dan begitu juga jumlah tertinggi pengguna internet di bandar adalah golongan muda dan golongan pertengahan daripada status sosial.



**Rajah 4** Kawasan yang di menangi oleh PR dan Bebas


Faktor saiz merupakan salah satu elemen dalam pengkajian geografi politik. Ruang adalah sesuatu yang tanpa had sempadan secara mutlak tetapi saiz boleh diukur dan ditentukan dimensinya. Ruang geografi walau bagaimanapun berkait dengan lokasi yang pasti dan kawasan yang mempunyai saiz yang boleh ditentukan. Dalam geografi politik meliputi organisasi politik masyarakat atau manusia yang terdapat di atas permukaan bumi, dan memandangkan bumi mempunyai kawasan yang terhad maka pembahagian sempadan politik ini sangat bergantung kepada saiz tiap-tiap unit politik iaitu dalam konteks pilihan raya adalah sempadan DUN dan parlimen yang terdiri dari pelbagai saiz. Tingkah laku politik sesuatu masyarakat sangat dipengaruhi oleh saiz wilayah yang didiami oleh mereka. Untuk kita memahami tingkah laku politik atau

pemikiran sesuatu masyarakat adalah merupakan satu kemestian bagi kita mengukur atau menilai saiz atau keluasan unit politik atau sempadan politik sesuatu kawasan. Saiz kawasan yang kecil sudah pasti akan mempunyai tahap kebudayaan yang tinggi. Walau bagaimanapun faktor saiz mempunyai kekurangan dari segi limitasi ruangan. Kawasan kecil tidak boleh menampung jumlah populasi yang ramai dalam sesuatu kawasan.

Saiz merupakan satu faktor yang penting untuk mengukur kuasa sesuatu unit politik. Kuasa untuk membuat sesuatu keputusan adalah sangat bergantung kepada jumlah sesuatu populasi dan jumlah populasi sesuatu kawasan sangat dipengaruhi oleh saiz dan keluasan sesebuah DUN atau parlimen. Walau bagaimanapun saiz yang luas kadangkala belum tentu menjadi lambang kebesaran kuasa. Walaupun sesuatu kawasan itu besar tetapi dari segi jumlah penduduknya tidak ramai kerana atas faktor fizikal kawasan atau unit politik tidak dapat menampung jumlah penduduk yang ramai. Faktor saiz kawasan boleh mempengaruhi geografi politik sesuatu kawasan berdasarkan beberapa faktor, di antaranya adalah saiz populasi yang boleh mewakili jumlah pengundi di dalam satu parlimen atau DUN. Jumlah pengundi ini juga mewakili kuasa politik dan hak rakyat yang boleh mempengaruhi pihak kerajaan untuk membuat keputusan atau polisi. Selain itu saiz yang luas juga mempunyai kepelbagaian dari segi budaya penduduk setempat. Kawasan yang luas juga mempunyai pembahagian unit pentadbiran politik yang lebih banyak yang sangat mempengaruhi dari segi tata cara pentadbiran. Saiz juga mempengaruhi apa yang dikenali sebagai fisiografik atau elemen fizikal di dalam kawasan itu samada dari segi lanskap fizikal mahupun lanskap politik.

Selain itu faktor saiz turut memainkan peranannya dalam PRN Sarawak yang lalu. Dari segi keluasan, kawasan Sarawak merupakan negeri yang paling besar di Malaysia dan membentuk 37 peratus daripada jumlah keluasan 329,750 kilometer persegi di negara ini iaitu hampir sama dengan keluasan Semenanjung Malaysia. Selain itu dari segi saiz kawasan DUN Sarawak adalah luas dan sebagai perbandingan, kita dapati parlimen Sibu adalah lebih kurang dua kali ganda keluasannya berbanding Perlis ataupun parlimen Kapit secara relatifnya mempunyai keluasan tiga kali Kuala Lumpur. Berdasarkan Rajah 5, apabila luas kawasan dipetakan kita dapat melihat satu tatatingkat kawasan berasaskan keluasan dan jika dikorelasikan dengan keputusan undi, didapati terdapat satu corak ruangan pengundian di Sarawak. Kawasan yang luas mempunyai satu kecenderungan undi kepada parti BN manakala kawasan yang lebih kecil dari segi saiz dimenangi oleh PR. Fakta itu sudah mencukupi untuk menjustifikasikan keperluan tempoh berkempen yang lebih lama di Sarawak dalam proses pilihan raya. Faktor geografinya menyukarkan calon-calon dan parti-parti yang bertanding bagi menemui pengundi untuk berkempen secara berkesan. Kawasan yang luas dari segi ruang mempengaruhi pergerakan yang memerlukan keupayaan logistik dan jentera yang mantap jika kita ambil contoh ahli politik untuk berkempen. Sudah tentu kawasan yang luas memberi kelebihan kepada BN untuk berkempen dan menyampaikan dasar dan idea parti dengan teknologi yang terkini dan sofistikated berbanding jentera yang dimiliki oleh pihak PR kerana kawasan yang lebih luas akan juga berkadar langsung dengan peningkatan kos logistik. BN Sarawak mempunyai kelebihan berbanding pembangkang dalam aspek kewangan dan logistik. Kempen di Sarawak sukar kerana keluasan wilayah dan kesukaran untuk sampai ke pedalaman. Banyak tempat hanya boleh dihubungi dengan helikopter. Begitu juga saiz yang luas turut mempunyai saiz populasi pengundi yang ramai yang akan memberi kesan kepada penyebaran

maklumat. Ini juga akan membantu strategi parti serta memberi kelebihan kepada parti yang mempunyai peruntukan dan keselesaan ekonomi kerana mereka dapat memenuhi isu dan tuntutan daripada rakyat untuk kesejahteraan mereka dengan lebih berkesan.



**Rajah 5** Luas Kawasan mengikut DUN Sarawak

Selain itu faktor pergerakan dan perhubungan juga dilihat sebagai satu elemen ruangan yang sangat mempengaruhi pilihan raya dan politik sesuatu kawasan. Komunikasi dan interaksi manusia atau pengundi di sesuatu kawasan dapat mempengaruhi interaksi dengan persekitaran mereka. Manusia dilihat bagaimana selesa dengan persekitaran yang ada dan bagaimana manusia mengorganisasikan persekitarannya. Demografi, ekonomi dan ideologi pembangunan adalah berkaitan dalam proses ini. Dalam konteks politik, jika sesuatu kawasan itu yang mempunyai latar belakang kawasan pendalaman sudah pasti hubungan penduduk dengan kawasan sekitar adalah lebih peka. Segala aktiviti yang dijalankan di kampung sangat berkait rapat dengan bagaimana penduduk membentuk keadaan fizikal dan persekitaran mereka. Sebagai contoh di Sarawak, jika kawasan parlimen yang secara keseluruhannya adalah kawasan kampung mungkin isu pembangunan adalah signifikan dalam membangunkan sesuatu kawasan. Walau bagaimanapun kita dapat lihat menjelang pilihan raya isu pembangunan kadang kala dilihat tidak relevan di sesuatu kampung kerana mereka sudah selesa dengan interaksi yang wujud di antara mereka dengan persekitaran yang telah wujud dari dahulu lagi sehingga pembangunan infrastruktur tidak dilihat sebagai kepentingan utama dalam menjalani kehidupan mereka seharian.

Ruang pergerakan juga merupakan sebahagian daripada persekitaran yang ditanggapi oleh manusia khususnya pergerakan berkenderaan. Ruang ini lazimnya dikaitkan dengan membuat keputusan ekonomi kerana keputusan ekonomi akan mempengaruhi aktiviti dalam ruangan. Jika kawasan X adalah kawasan pengeluaran bahan mentah dan kawasan Y adalah kawasan pasaran, maka pergerakan dalam

ruangan akan berlaku antara X dan Y. Pergerakan dilihat berkadar secara langsung dengan interaksi. Semakin tinggi pergerakan manusia semakin meningkat interaksi dan semakin tinggi maklumat akan tersebar. Pergerakan yang banyak akan menggalakkan maklumat, idea, sumber, teknologi tersebar ke merata tempat. Selain itu migrasi penduduk juga dilihat sebagai satu faktor kepada penyebaran maklumat. Dalam konteks pilihan raya maklumat tentang politik boleh tersebar apabila seseorang individu berhijrah ke bandar dan terdedah dengan budaya politik di bandar dan akan membawa balik ideologi dan isu ke kampung dan tersebar dengan propaganda dan idea yang diperolehi di bandar. Pergerakan yang banyak akan menggalakkan maklumat, idea, sumber, teknologi tersebar ke merata tempat. Pergerakan manusia juga dapat menerangkan bagaimana idea, ideologi, informasi bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Kemampuan manusia melakukan pergerakan daripada satu lokasi ke lokasi yang lain telah menyebabkan idea itu dibangunkan.

Dalam konteks negara yang membangun seperti di Malaysia khususnya Sarawak, pergerakan banyak berlaku dalam kalangan golongan muda yang terlibat dengan proses ekonomi seperti perniagaan dan peluang pekerjaan. Pergerakan golongan muda yang juga merupakan pengundi muda dari kampung ke bandar dan dari bandar ke ibu negara atau luar negara turut membawa masuk maklumat melalui pergerakan ini ke kawasan pengundian masing-masing. Kadangkala idea yang dibawa masuk dari luar inilah yang membawa peralihan mereka yang berada di luar bandar dan kampung-kampung yang memberi idea yang lebih kepada perkara *post material* dan hak asasi sebagai rakyat. Golongan muda berumur 21 hingga 30 tahun ini, dari segi lokasi mereka kebanyakannya berada di kawasan bandar dan di IPTA atau di kolej-kolej swasta. Mereka duduk belajar di universiti dan dengan cuti dua kali setiap dua semester dan termasuk cuti perayaan, secara purata setiap pelajar akan pulang ke kampung sekurang-kurangnya 8-10 kali setahun. Pada hari ini anak muda di Kuala Lumpur pulang ke kampung dengan berbekalkan pergolakan rancak dan maklumat di ibu kota yang sedikit sebanyak dapat mempengaruhi ibu bapa mereka melalui resapan masa. Politik baru yang menggarap imiginasi belia daripada terus terbelenggu dengan isu politik tradisional ini lebih agresif dan lebih liberal yang mana telah pupus sentimen politik perkauman dalam kalangan mereka. Golongan muda ini mahukan kehidupan yang lebih madani dan sejahtera dengan memberi tumpuan kepada penyelesaian perkhidmatan, pekerjaan yang baik, fasiliti awam, tempat tinggal dan juga harga barangan yang berpatutan. Secara keseluruhannya, keadaan politik negara telah menunjukkan satu peralihan. Manakala reaksi dari golongan rakyat pula hebat sekali, terutamanya pada saat pilihan raya yang semakin hampir dengan banyak tuntutan dan memorandum dikemukakan. Rakyat semakin sedar terhadap hak mereka sendiri dan berani bangkit untuk menuntutnya. Ini seterusnya membuka satu lembaran baru yang cerah kepada perkembangan politik tanah air (Rosmadi Fauzi 2013).

Sebagai contoh melalui kajian PRN Sarawak 2011 yang lalu, kawasan pedalaman seperti kawasan rumah panjang telah melalui satu perubahan dari segi undi atas migrasi generasi kedua keluar bekerja atau belajar di luar kawasan dan membawa balik masuk informasi dan idea baru mengenai politik. Malahan kita dapat lihat akibat daripada banyak pergerakan keluar masuk ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada kekurangan undi kepada sesuatu parti yang dahulunya dikatakan memberi sokongan yang kuat apabila tiba pilihan raya.

## Kesimpulan

Sebagai rumusan, corak pengundian dalam pilihan raya harus dilihat dari sudut baru iaitu ruangan dalam menilai corak pengundian yang semakin menerima pengaruh besar daripada proses globalisasi kerana dipengaruhi oleh perubahan yang berlaku di persekitaran sosial pada masa kini. Peranan elemen ruangan seperti yang dibincangkan ke atas keputusan dan tindakan dalam pengundian di sempadan sesuatu kawasan pilihan raya merupakan faktor penting dalam pengkajian geografi politik. Oleh sebab itu bagi menjelang Pilihan Raya Umum yang ke 13 ini adalah disarankan kepada para pengkaji politik supaya turut mengambil kira peranan ruangan ini kerana daripada perbincangan ini turut membantu dalam mendapat hasil yang lebih komprehensif dalam kajian pilihan raya.

## Nota

- <sup>1</sup> Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Pusat Kajian Demokrasi & Pilihan Raya Universiti Malaya UMcedel, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Jabatan Geografi, Universiti Malaya dan pemerhati politik serta semua terlibat memberikan sokongan kepada kajian ini. Rosmadi Fauzi dan Amer Saifude Ghazali merupakan pensyarah kanan dan pensyarah di Jabatan Geografi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Suffian Mansor dan Zulkanain Abdul Rahman berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Jabatan Sejarah dan Zulkanain juga merangkap timbalan dekan Penyelidikan dan Pembangunan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Mohammad Redzuan Othman merupakan profesor merangkap dekan di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

## Rujukan

- Baybeck, B. & Huckfeltd, R., 2002. Urban contexts, spatially dispersed networks and diffusion of political information. *Political Geography* 21.
- Christian Norberg-Schulz, 1971. *Existence, Space and Architecture*. London: Praeger Publishers.
- Debashis Chakraborty & Rabi N. Sahoo, 2007. *Fundamentals of Geographic Information System*. India: Viva Books Private Limited India.
- Enelow, J. & Hinich, M., 1984. *The spatial theory of voting: An Introduction*. New York: Cambridge University Press.
- Hans W. Weigert, Henry Brodie, Edward W. Doherty, John R. Fernstrom, Eric Fischer, Dudley Kirk, 1957. *Principles of Political Geography*. New York: Appleton Century Crofts.
- Harvey J. Miller, 2004. Tobler's First Law and Spatial Analysis. *Annals of the Association of American Geographers* 94(2).
- K.R. Cox, 1971. The Spatial Structuring of Information flow and Partisan Attitudes' dlm Dogan and Rokkan op.cit. *New Zealand Journal of Public Administration* 33.
- Nadine Schuurman, 2004. *GIS a short introduction*. United Kingdom: Blackwell Publishing.
- R.J. Johnston, 1972. Spatial Elements in Voting Patterns at the 1968 Christchurch City Council Election. *Political Science* 24(1).
- Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali dan Mohammad Redzuan Othman, 2012. Pendekatan baharu ke Arah Pendemokrasian Negara Dengan Menggunakan Model

- Ruangan Pengundian serta Aplikasi Sistem Maklumat Geografi dan Pilihan Raya. *Jurnal Demokrasi dan Pilihan Raya* 1 (1).
- Rosmadi Fauzi, et. al, 2011. Elemen Ruangan dalam Politik Malaysia Menjelang Pilihan Raya Umum 13. Seminar Politik Malaysia, 12 Januari 2011, UiTM Shah Alam.
- Rosmadi Fauzi, 2006. Geografi Politik, Pilihan Raya dan Aplikasi Sistem Maklumat Geografi (GIS) di Malaysia. *Jurnal Asia Tenggara (JATI)* 11.
- Rosmadi Fauzi, 2013. Melayu Paling Ramai Atas Pagar, *Harian Metro*, hlm. 24, 4 Mei 2013.
- Rosmadi Fauzi, 2013. Pilihan Raya : Ruang dan Masa, *Harian Metro*, hlm. 24, 28 Februari 2013.
- Rosmadi Fauzi, 2010. Politik Baru dalam Pilihan Raya di Malaysia: Satu Pengenalan kepada Peranan dan Fungsi GIS. The 7th International Malaysian Studies Conference (MSC7)2010, 16 - 18 Mac 2010, Universiti Sains Malaysia (USM), Penang.
- Tobler, W.R., 1970. A computer movie simulating urban growth in the Detroit region. *Economic Geography* 46.